

20 AUG 2003

Hadi-Manifesto

HADI AKUI PAS KEMUKAKAN DUA MANIFESTO PILIHAN RAYA

KUALA TERENGGANU, 20 Ogos (Bernama) -- PAS akan mengemukakan dua manifesto untuk pilihan raya umum akan datang, satu daripadanya mengandungi janji untuk membentuk sebuah negara Islam dan satu lagi tertakluk kepada persetujuan rakan-rakannya dalam pembangkang.

Pemangku presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata bahawa di peringkat negeri, PAS akan mengemukakan manifesto bagi membentuk sebuah negara Islam terutamanya di negeri-negeri yang telah diperintahnya iaitu di Kelantan dan Terengganu manakala di peringkat pusat pula, manifesto itu akan bergantung kepada perbincangan dengan parti-parti dalam pakatan pembangkang.

"Sehingga kini kita masih belum berikan kata putus (mengenai manifesto peringkat pusat)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Pendekatan PAS menyediakan manifesto pilihan raya yang berbeza bagi menghadapi pilihan raya umum yang akan datang telah disifatkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai bertujuan untuk menipu rakyat dan memancing undi.

"Nak tipu orang Kelantan dan Terengganu, dia janji dia nak buat negara Islam. Di peringkat pusat dia kata tak nak...nak pancing undi orang bukan Islam," kata Dr Mahathir semalam.

Mengenai kemungkinan hasrat PAS untuk menubuhkan negara Islam itu ditentang oleh parti-parti pembangkang yang lain, Abdul Hadi berkata, itu adalah hak parti masing-masing.

"Di mana kita mempunyai satu pakatan yang longgar, bahkan kalau DAP menang di Pulau Pinang, itu terpulang kepada DAPlah, dia nak realisasikan dasar dia di Pulau Pinang. Dia nak buktikan kejayaan dia, kita kena akur," katanya.

Mengenai perbuatan mengebom pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Baghdad, Iraq semalam, Abdul Hadi berkata ia merupakan satu tindakan bercanggah dengan Islam.

Dalam kejadian itu, seramai 17 orang dilaporkan terbunuh.

"Islam mewajibkan kita memberikan perlindungan kepada orang awam terutamanya diplomatik sehingga diplomat daripada negara yang bermusuhan, walaupun tengah berperang dengan kerajaan Islam sekalipun, tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya," katanya.

-- BERNAMA

HIS MAI